

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 SEPTEMBER 2016

Kesan politik Mahathir-Anwar masih samar

BH - 7/9/2016

Dikatakan bahawa pada tengah hari 2 September 1998, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri. Anwar dikatakan diberi kata dua sama ada meletak jawatan atau dipecat dari jawatan yang disandanginya sejak 1993.

Namun, pemecatan Anwar berkuat kuasa jam 5.30 petang hari yang sama. Buat kali pertama dalam sejarah moden Malaysia, seorang Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dipecat dari jawatan yang cukup strategik.

Episod selepas itu lebih getir, Anwar dipenjarakan dan hanya dibebaskan pada tahun 2004 selepas Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri. Menyingkap hari-hari mesra

Mahathir-Anwar, bekas Timbalan Presiden UMNO itu dibawa masuk oleh Mahathir sendiri ke dalam UMNO pada 1982. Anwar mendaki puncak politik dengan pantas bersama dokongan Mahathir. Pemecatan Anwar merubah dimensi hubungan mereka.

Pernah dianggap anak emas

Pada suatu ketika Anwar dianggap anak emas dan anak didik Mahathir; kemudiannya bertukar menjadi musuh paling ketat. Kelmarin, Mahathir menemui Anwar di mahkamah iaitu tiga hari selepas Anwar menyambut ulang tahun ke-18 pemecatannya oleh Mahathir.

Namun pertemuan ini berlangsung ketika latar dan iklim politik sudah berubah. Mereka berdua bukan lagi 'Yang Amat Berhormat' seperti dulu. Tetapi mereka

berdua berada di blok pembangkang yang berpecah selepas Anwar kembali ke penjara dan Mahathir pula sudah berkerat rotan dengan UMNO.

Pelbagai tafsiran dan analisis mulai muncul mengenai apa makna pertemuan mereka. Pada saat Anwar dipenjara, Mahathir mungkin diharapkan dapat berperanan menjadi harapan untuk pembangkang menghadapi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Uniknya, di kala politik Malaysia di pengakhiran dekad kedua pada abad ke-21, dua pemain utama politik negara dekad terakhir abad ke-20 masih mencatur arah politik yang mereka berdua pernah ketuai dan lakar bersama.

Al Farabi dalam karyanya *Madinah Al Fadilah* atau negara terbaik yang membincangkan menge-

nai falsafah politik, menjelaskan bahawa negara yang baik umpama hati yang digerakkan dengan niat yang baik, maka akan terhasillah anggota badan yang sihat dan akhirnya kehidupan manusia dapat mencapai kebahagiaan.

Tidak mahu berulang lagi

Namun, sebaliknya jika hati digerakkan dengan niat yang tidak baik, maka pergerakan anggota badan yang lain tidak dapat berfungsi dengan sempurna, hasilnya kebahagiaan tidak dapat dicapai dan ibaratnya negara terjerumus ke kancang yang tidak baik.

Apa pun kesan politik kepada pertemuan itu, harapnya ada satu kebaikan silaturahim untuk mereka berdua. Pastinya, negara dan rakyat tidak mahu lagi berasa onak dan sengketa seperti 18 tahun lalu berulang kembali.

Komentari



**Dr Azmul Fahimi
Kamaruzaman**

Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM